

# Menjemput pemangsa seks ke dalam rumah

H. Metro m/s 12 21.11.07

>>Oleh **Muhamad Safar Ahmad**  
safar@hmetro.com.my

**B**ENARKAH persekitaran kita hari ini semakin tidak selamat terutama untuk kanak-kanak? Beberapa insiden menyayat hati membabitkan kanak-kanak seperti tragedi menimpa Nurin Jazlin Jazmin baru-baru ini membuatkan ibu bapa semakin berhati-hati terhadap pergerakan anak.

Kita mungkin merasakan anak selamat di rumah dan hanya menghabiskan masa di depan skrin komputer bermain permainan video Internet.

Tetapi sedarkah tanpa disedari kita membawa masuk 'penjenayah' ke dalam rumah melalui Internet.

Di luar sana terdapat beribu-ribu 'mata' memerhatikan kanak-kanak berkenaan secara siber.

Internet, cetusan teknologi baru yang sangat 'nakal' jika tidak dimanfaatkan secara bijak kerana di dalam talian berkenaan terdapat ramai pemangsa yang menunggu masa sesuai untuk mengheret anak kita ke dalam pe-

rangkap mereka.

Pemangsa seks yang mempunyai keghairahan terhadap ancaman baru kepada dunia moden selepas Internet muncul sebagai ikon dominan dalam komunikasi.

Capaian tanpa had, mudah diakses, murah dan mesra pengguna menjadikan Internet popular dengan begitu pantas hingga dalam keadaan tertentu impak negatifnya tidak dapat diimbangi secepat perkembangan.

Mungkin atas dasar itu juga kerajaan mengisytiharkan 'perang' ke atas golongan pemangsa seks kanak-kanak yang menggunakan Internet, terutama laman sembang untuk memancing mangsa mereka.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata walaupun ia bukan masalah serius di negara ini, namun masyarakat perlu mengambil langkah berjaga-jaga.

Beliau berkata, kementerannya akan mencadangkan kepada Kabinet supaya pihak berkuasa menubuhkan pasukan khas untuk mengesan

pelayar Internet yang cuba mencari mangsa dengan menyamar sebagai remaja atau kanak-kanak.

Katanya, ketika ibu bapa disaran memberi perhatian terhadap pergerakan anak mereka, pada masa sama mereka perlu peka terhadap pemangsa seks kanak-kanak yang hadir secara maya.

"Kebanyakan negara sudah memiliki unit seperti itu dalam pasukan polis mereka dan Malaysia seharusnya mengambil langkah proaktif berhubung perkara itu," katanya.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan dalam reaksi segera terhadap cadangan itu, menyatakan Unit Perlindungan Kanak-kanak akan diperluaskan dengan menempatkan pegawai polis yang dilatih khusus untuk melakukan tugas berkenaan.

Beberapa pegawai sudah dihantar ke Britain untuk mendalami kemahiran mengendalikan kes seumpama itu, termasuk mengesan pemangsa seks kanak-kanak yang berkeliaran melalui Internet mencari mangsa.

Singapura juga bercadang meminda Kanun Keseksaan



**Mereka berlakon sebagai kanak-kanak atau remaja untuk menjerat mangsa sehingga membawa kepada temu janji"**

**Madeleine Yong**  
Pengaruh Barisan Bertindak Bagi Pencegahan Penderaan Seks Kanak-kanak

bagi membolehkan mereka berusia 21 tahun ke atas yang memasang niat untuk melakukan hubungan seks dengan remaja di bawah umur dihukum tiga tahun penjara atau denda atau kedua-duanya sekali.

Britain juga sudah meluluskan undang-undang seumpama itu pada 2004 yang memberi kuasa kepada pihak berkuasa mengheret pemangsa seks kanak-kanak sebelum mereka melakukan sebarang bentuk serangan atau konteks berunsur seksual ke

atas mangsa mereka.

Pengarah Barisan Bertindak Bagi Pencegahan Penderaan Seks Kanak-kanak, Madeleine Yong, berkata golongan terbabit gemar memilih laman sembang dan khidmat pesanan ringkas (SMS) untuk berkomunikasi dengan kanak-kanak bagi mempengaruhi minda mereka.

"Mereka berlakon sebagai kanak-kanak atau remaja yang menjerat mangsa sehingga membawa kepada temu janji.

"Taktik itu dikenali sebagai 'grooming' dan ia kaedah biasa digunakan kebanyakan pemangsa," kata Yong.

Di Amerika Syarikat, dilaporkan kira-kira 75 peratus jenayah seumpama itu mempunyai kaitan dengan laman sembang Internet.

Menurut Yayasan Pengawasan Internet United Kingdom, ada kira-kira sejuta imej penganiayaan kanak-kanak yang sebahagian besarnya membabitkan aspek seksual disebarkan menerusi Internet dengan purata 200 imej sehari.

Imej penganiayaan itu diakses setiap hari oleh kira-kira 27,000 pengguna Internet

Sebelum era Internet, pemangsa itu individu yang sentiasa hidup kesunyian kerana tiada medium untuk berkongsi fantasi gila mereka dengan rakan atau jiran.

Bagaimanapun, Internet mengubah fenomena itu dan peluang ditunggu-tunggu golongan berkenaan.

Internet kini bukan sekadar perantara komunikasi. Tanpa disedari ia melahirkan satu realiti dunia siber dengan peraturan, bahasa, budaya dan komunitinya sendiri.

Bagi golongan pemangsa ini, Internet menyediakan satu konteks sokongan membuat mereka tidak lagi sunyi kerana mereka sudah menjadi sebahagian daripada komuniti siber ini.

Ia menjadi sebuah dunia bagi golongan ini berasa diri mereka diterima dan percaya tindak-tanduk dan kecelaruan seksual mereka adalah normal kerana dikongsi beribu-ribu individu yang mempunyai kecenderungan dan minat sama dengan mereka dalam dunia siber.

Teknologi baru ini bertindak sebagai ejen penyokong kepada falsafah seks song-sang mereka dan mekanisma

di seluruh dunia.

Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) menganggarkan sekitar 90 peratus aktiviti pemangsa seks kanak-kanak membabitkan penggunaan Internet.

Kajian di Barat mengenal pasti beberapa faktor utama kenapa Internet menjadi pilihan kepada pemangsa itu, antaranya termasuk teknologi berkenaan adalah medium paling mudah diakses selain melindungi identiti.

Dalam satu artikel yang diterbitkan di Amerika Syarikat bertajuk 'Kaji selidik ringkas terhadap pemangsa seks kanak-kanak' menjelaskan Internet memberi ruang tanpa had kepada mereka untuk mengakses kehendak di seluruh dunia, membinasakan keinginan seksual secara terbuka, malah berkongsi idea mengenai teknik mengumpam mangsa.

John Suler, seorang profesor di Universiti Rider, Amerika Syarikat, berkata laman web tempat paling 'selamat' untuk seseorang menukar personalitinya dari segi sifat, peranan, suara dan identiti.

terpantas untuk mencari mangsa di mana saja.

Ribuan laman sembang sedia ada memudahkan mereka menyusup masuk dengan menyamar sebagai rakan sebaya di peringkat awal untuk memerangkap mangsa yang leka.

Selepas menjalin hubungan jangka panjang secara siber dengan mangsa yang dipilih, mereka mula mempengaruhi mangsa untuk bersemuka dan mencuba hubungan secara fizikal.

Jika mereka berjaya sehingga ke tahap mengadakan pertemuan empat mata dengan mangsa, di sinilah bermulanya episod gelap kanak-kanak itu.

Pada peringkat ini sudah terlambat untuk menyesal dan barulah kita sedar kita tercicir sesuatu ketika memperincikan langkah berjaga-jaga untuk anak kita.

Ibu bapa wajar melihat perkembangan ini sebagai cabaran baru dalam memastikan keselamatan anak mereka lebih terjamin.

Ibu bapa perlu bersedia setiap masa kerana musuh kini sudah berada di dalam rumah mereka.